

16/10/2001

Kemilau Hutan Batu di Darby Park, memukau

Atondra

SEKEMBALI dari kuliah selama 10 hari di Universitas Sumatera Utara, surat sudah menimbun menunggu di meja tulis. Anak isteri tidak berani membuka. Kali ini lebih banyak kad undangan. Memang musim perkahwinan. Ada juga undangan dari Kelab Kreatif Permodalan Nasional Berhad (PNB).

Buat kedua kalinya, saya mendapat undangan dari Kelab Kreatif PNB, kali pertama dulu tidak dapat hadir kerana ketika itu ada konvokesyen di Jakarta. Saya bercadang untuk hadir. Undangan telah dijawab.

Hujan petang selebatnya mencurah di Kuala Lumpur. Isteri yang pulang dengan LRT melaporkan jalan sesak, semua macit. Terpaksa berangkat lebih awal, cari jalan jauh. Dari Kelana Jaya memutar kampus Universiti Malaya merentas ke Jalan Dewan Bahasa dan Pustaka. Terjebak parah.

Lalu mencuri jalan ke arah Istana Negara memutar Jalan Kucing dan Kampung Baru. Lebih sejam di jalan baru dapat melihat bumbung gajah menyusu PNB. Memutar ke Jalan Ampang. Orang sudah ramai ketika tiba di Tingkat 9 Darby Park. Termasuk beberapa orang ahli Pena. Irama gemelan sudah mengisi gendang telinga.

Penasihat Kelab Krestif PNB, Datuk Hamad Kama Piah Othman dalam ucapan menyatakan kegembiraannya kerana undangan ahlinya dipenuhi oleh tetamu. Selain meraikan Hari Ulang Tahun (HUT) Pengerusi PNB, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, acara itu sebagai menggalakkan minat kreatif karyawan PNB.

Oleh kerana Kuala Lumpur dipenuhi hutan batu yang menujah tinggi bangunan mencapai awan lalu disepakati untuk menghiasi Tingkat 9 Pool Side Darby Park dengan belukar kecil kehijauan. Oleh kerana memenuhi hasrat kreatif ahli, dedaun dan ranting-ranting hijau diimport dari daerah Hulu Langat.

"Malam ini kita boleh berpuisi sepuasnya. Ahli Kelab Kreatif PNB boleh mengenengahkan bakat masing-masing," kata Hamad Kama. Benar katanya, puisi bukan lagi milik penyair dan sasterawan semata. Kini puisi banyak dicipta dan dideklamasikan oleh ahli korporat, penggemar golf, pemimpin negara termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Memang itulah perjuangan kumpulan penyair yang diketuai oleh Sasterawan Negara Datuk Usman Awang sejak awal tahun 60-an dulu. Salah satu tujuan mewujudkan Hari Puisi pada 1961 adalah untuk mendekatkan puisi kepada rakyat. Usaha itu telah berjaya sekarang. Sayang, Usman kini keuzuran.

Malam Kemilau Hutan Batu anjuran Kelab Kreatif selain diisi dengan sketsa, nyanyian dari bakat muda karyawan PNB, diselenggarakan pula dengan baca puisi dari Pengarah Bahagian PNB sendiri. Boleh dikatakan setiap pengarah yang hadir menyediakan puisi ciptaan mereka sendiri atau puisi penyair terkenal seperti puisi Usman.

Tan Sri Khalid Ibrahim (Guthrie) mendeklamasikan sebuah puisi ciptaannya dan sebuah puisi Usman yang terkenal berjudul Bunga Popi.

Menurut ulasan ringkasnya, dia memilih puisi Bunga Popi kerana nalurnya membenci kepada peperangan. Puisi itu mula dibacanya ketika dia masih bersekolah lagi.

Beberapa orang penyair dari Pena, Ahmad Sarju mendeklamasikan puisi ciptaan terbarunya khusus untuk Kemilau Hutan Batu.

Zurinah Hassan, Rasanubari Asmaramah, turut membaca puisinya. AJK Pena dan Seniman terkenal Datuk Jins Shamsuddin dan artis Sepana Jaya, Ahmad Idham juga membaca puisi pilihan dari puisi Usman.

Oleh kerana waktu mendesak, beberapa acara yang memukau terpaksa dipendikkan. Ramai yang tidak berpeluang mendeklamasikan puisinya,

walaupun mereka sudah bersedia.

Mana tidaknya, semasa latihan lain semasa persembahan menjadi lain pula. Banyak tambahan dibuat sepontan, ulas seorang pengacara majlis. Hadirin terhibur dengan gelagat Tan Sri SM Salim, S Jibeng dan Siti Norhaliza tiruan.

Tan Sri Ahmad Sarji yang biasanya serius, terpaksa mengopak senyum lebar apabila melihat gelagat anak buahnya yang berbakat dan kreatif.

Melihat bakat kreatif ahli Kelab Kreatif PNB dapat memukau khalayak, dicadangkan agar ahli Kelab itu bersedia untuk mengadakan persembahan terbuka di Rumah Pena, setiap Jumaat Minggu pertama setiap awal bulan.

Bagi penulis, ada 15 hal luar daya kebiasaan hidup manusia dapat dimiliki oleh mereka yang berkreaitif:

1. Dapat memiliki keinginan untuk mengetahui sesuatu yang baru. Yang belum pernah ada atau dilakukan orang lain.
2. Berani mencuba sesuatu yang tidak pernah dilakukan.
3. Berani berfikir mandiri.
4. Cekap dalam banyak hal, ilmu dan keahlian.
5. Menyukai tatangan/persaingan.
6. Berfikir ke segala arah.
7. Bersikap tenang dalam kegagalan.
8. Mempunyai keinginan untuk maju.
9. Menyukai seni, karya sastera.
10. Mempunyai tujuan hidup yang mantap.
11. Mampu memecahkan masalah berat.
12. Mampu melahirkan idea, gagasan yang baru.
13. Mudah bergaul dalam lingkungan orang yang bisa mendapat gagasan baru.
14. Mempunyai semangat dalam segala hal, tidak mudah putus asa dan,
15. Berani mengambil risiko.

(END)